

# MB gariskan formula 6M untuk penjawat awam

S-H 05/12/07 MIS 2

Pengamalan formula ini memberi dorongan kepada mereka untuk melangkah dengan penuh yakin ke arah pentadbiran yang holistik dengan membina modal insan yang komited untuk memikul tanggungjawab.

**SHAH ALAM** - Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo menggariskan apa yang dinamakannya sebagai 'formula 6M' merangkumi aspek Musyaratah, Muraqabah, Muhasabah, Mu'atabah dan Mujahadah, bagi melahirkan penjawat awam dalam pentadbiran

yang cemerlang 'bagi dunia dan akhirat'.

Beliau berkata, pengamalan formula ini memberi dorongan kepada mereka untuk melangkah dengan penuh yakin ke arah pentadbiran yang holistik dengan membina modal insan yang komited untuk memikul tanggungjawab.

"Jika diteliti dari aspek perkhidmatan dan pentadbiran, 6M sebenarnya menerbitkan tiga nilai atau ciri penting iaitu nilai integriti, akauntabiliti dan profesionalisme yang dapat memperkasakan seseorang pegawai atau penjawat awam," katanya.



**DR. MOHAMAD KHIR TOYO**

Beliau berkata demikian semasa berucap pada Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Seminar Selangor

Maju: Pembangunan Insan Cemerlang, Memacu Wawasan, di sini semalam.

Multaqa sehari anjuran kerajaan negeri dengan kerjasama Jabatan Mufti Selangor itu disempurnakan Tengku Panglima Diraja, Tengku Sulaiman Shah Al Haj Ibnu Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al Haj.

Dr. Mohamad Khir berkata, integriti yang didukung oleh Musyaratah (menepati syarat-syarat kejayaan) dan Muhasabah (menilai diri sendiri) merangkumi pemupukan aspek dalaman termasuklah jujur dan amanah yang

akan menghasilkan pegawai yang beretika tinggi.

Beliau berkata, akauntabiliti yang didukung oleh Muraqabah (mengawal diri secara berterusan) dan Mu'atabah (mengekalakan tindakan yang benar secara berterusan) adalah menyokong aspek tanggungjawab dan ke-sungguhan dalam men-

jalankan kerja.

Nilai ketiga ialah profesionalisme yang didukung oleh Mujahadah (berusaha bersungguh-sungguh) dan Mu'atabah (menghakis sifat buruk) yang dikaitkan dengan nilai yang menuntut individu agar bersedia berkorban dan menghasilkan kerja yang terbaik, katanya.

Suara Sebenar  
Warga Selangor & KL



**Integriti yang didukung oleh Musyaratah (menepati syarat-syarat kejayaan) dan Muhasabah (menilai diri sendiri) merangkumi pemupukan aspek dalaman termasuklah jujur dan amanah yang akan menghasilkan pegawai yang beretika tinggi."**

■ Dr. Mohamad Khir Toyo